

BAB 3

SOROTAN KARYA

3.1 PENGENALAN

Bagi memastikan fungsi serta peranan TD sentiasa terjamin, maka kesiapsiagaan perlu berada ditahap yang diperlukan dan diantara daripada keperluan kesiapsiagaannya adalah lojistik. Keperluan lojistik serta perancangan kearahnya mesti sehaluan dengan misi dan objektif yang telah ditetapkan oleh TD supaya segala keperluan dapat dibekalkan pada masa dan kuantiti yang diperlukan. Dalam aspek militer, lojistik merangkumi keperluan material dan perkhidmatan (*Logistic Operation, Phamplet No 6, 1989* dan Lloyd M. Rinehart & Gary L. Ragatz, 1996). Oleh itu dalam lojistik perspektif, peralatan (yang menjurus kepada keperluan material) dari segi kesiapsaigaan operasi TD perlu berada ditahap 80% pada setiap masa (Shafiee & Hj Khalid, 2006/2007).

3.2 KEPENTINGAN BANTUAN MATERIAL KEPADA TD

Sebagaimana yang telah diterang terdahulu bahawa dalam kontek militer, bantuan logistik merangkumi material dan perkhidmatan. Dalam kontek militer, lojistik boleh didefinisikan sebagai *the procurement, maintenance and transportation of military material, facilities/services and personnel* (*Webster's Seventh New Collegiate Dictionary, 1983*). Dalam konsep bantuan material ini, ianya akan difokuskan kepada bantuan Ordnans kepada pasukan-pasukan TD. Namun demikian dalam kontek

bantuan logistik secara keseluruhan akan dilihat kepada beberapa beberapa penulisan yang berkaitan dengan bantuan logistik, iaitu betapa perlunya bantuan logistik dan menyelenggara keperluan logistik didalam sesebuah pasukan tentera telah diterjemahkan kepentingannya daripada beberapa siri peperangan terdahulu. Kegagalan bantuan logistik telah menyebabkan gagalnya sesuatu operasi ketenteraan. Menurut Henry E Eccles (1981) kemantapan latihan, peralatan yang moden serta canggih, semangat anggota yang tinggi serta taktik dan strategi pertempuran yang baik masih tidak dapat menjamin kejayaan sesuatu operasi tanpa bantuan logistik yang berterusan. Ini disebabkan setiap anggota mempunyai had limitasi keupayaan untuk membawa semua kelengkapan untuk suatu tempoh yang panjang.

Manakala Field Marshall Lord Wavell pula memaklumkan bahawa *“the more I have seen the war, the more I realized how it all depends upon administrative and transportation, It takes little skills or imagination to see where you would like your army and when: it take much knowledge and hard work to know where you can place your forces and weather you can maintain them there..”*(Ronald G Ruppenthall, 1959).

Berdasarkan kepada kata-kata hikmat yang telah diluahkan oleh kedua-dua falsafah tersebut bahawa dalam kontek militer menunjukkan betapa sukarnya untuk menentukan sesebuah pasukan untuk ditempatkan didalam sesuatu operasi itu setelah mengambilkira dari sudut bantuan logistik. Kesyinambungan bantuan yang lancar dan berkesan sangat penting bagi membolehkan pasukan-pasukan dapat terus menjalankan peranan serta operasi dengan jayanya. Perancangan menyelenggara

pasukan-pasukan perlu dipertimbangkan bukan hanya didalam pertempuran malah didalam melaksanakan tugas harian (James A. Huston, 1966). Oleh itu keberkesanan bantuan lojistik akan bergantung sepenuhnya kepada sistem perolehan yang diamalkan oleh sesebuah organisasi (Douglas M. Lambert, James R. Stock and Lisa M. Ellram, 1998). Oleh itu dalam menguruskan perolehan TD ini adalah secara langsung akan menentukan kesiapsiagaan material yang memberikan kesan kepada pasukan TD dan sekaligus Kesiapsiagaan TD khususnya. Dalam bab ini akan melihat sorotan karya yang berkaitan dengan tajuk kajian iaitu Amalan Perolehan TD dan kesan kepada Kesiapsiagaan Material.

3.3 KESIAPSIAGAAN TD

Menurut Lieutenant General William G (1992) bahawa definisi kesiapsiagaan militeri adalah berkebolehan untuk mencapai sesuatu objektif dan ianya tertakluk kepada kemampuan sumber-sumber tertentu seperti kekuatan anggota tentera/personil, bantuan lojistik seperti persenjataan, serta lain-lain faktor seperti kepimpinan, moral anggota serta kesepaduan pasukan. Disamping itu juga Lieutenant General William G (1992) juga mendefinisikan kesiapsiagaan militari adalah keupayaan ketumbukan ketenteraan pada masa yang diberikan untuk melaksanakan tugas tertentu apabila peperangan diistiharkan dan kemampuan pasukan militeri untuk melaksanakan tugas mengikut acuan yang telah dibentuk. Menurut Md Hashim Hussein, Kesiapsiagaan Tempur TD boleh didefinisikan sebagai *'Readiness is ability of a unit or force element to be made fit to conduct dsignated operational roles and tasks within a specific perod*

of time'. Menurut beliau lagi kesiapsiagaan menjadi keperluan penting dimana kita menuju ke alaf baru, kerana corak peperangan sentiasa berubah mengikut zaman dan ianya menjadi rumit dan mencabar.

Bowersox, Donald J., David J. Closs, and M. Bixby Cooper (2007), merumuskan bahawa kebolehan teknikal pasukan secara profesional seperti persenjataan, kenderaan dan lojistik untuk melaksanakan misi operasi ketenteraan. Tambahnya lagi kesiapsiagaan tempur juga merangkumi *applied to personnel, qualified to carry out combat operations in the unit to which they are assigned*. Rumusan daripada itu Bowersox, Donald J., David J. Closs, and M. Bixby Cooper (2007), menambah bahawa sikap dan komitmen anggota tentera akan mencerminkan kejujuran serta kemahuan mereka untuk berjuang disamping sokongan lojistik dan peralatan yang mencukupi. Menurut Williams, Susan P & Hardy, Catherine A, (2006) bahawa kesiapsiagaan dirujuk kepada situasi semasa yang digunakan dan tahap potensi yang digunakan dalam perolehan oleh sesuatu organisasi. Konsep ini untuk mengenalpasti perkara yang berkaitan dengan aktiviti perolehan yang diamalkan, inisiatif dan tahap perancangan terhadap aktiviti untuk masa hadapan.

Bagi TD, sistem untuk mengukur kesiapsiagaan tempur dengan menggunakan *Situational Force Scoring (SFS)*. Dalam *SFS* elemen seperti sumber manusia, komunikasi, mobiliti, kuasa tembakan, lojistik dan latihan adalah faktor utama yang menentukan Kesiapsiagaan TD (Md Hashim Hussein). Skala *SFS* yang di tetapkan adalah seperti berikut:

- Kesiapsiagaan Tinggi - melebihi 90%.
- Kesiapsiagaan Sederhana - 80% to 89.9%.
- Kesiapsiagaan Rendah - 70% to 79.9%.
- Keupayaan Terhad - 60% to 69.9%.
- Keupayaan Amat Terhad - bawah 59.9%.

Kesiapsiagaan Tempur dalam militeri merupakan gabungan daripada beberapa faktor dan ianya ada berhubungkait diantara satu sama lain serta akan memberi kesan kepada peratusan tahap kesiapsiagaan keseluruhan. *SFS* memerlukan kepada suatu tahap pencapaian tertentu untuk membolehkan sesebuah pasukan diletakkan atau berada pada tahap Kesiapsiagaan Tempur. Diantara faktor tersebut, lojistik yang menjadi fokus kajian ini adalah merupakan diantara yang terpenting kerana tanpanya akan secara langsung mempengaruhi kesiapsiagaan lain-lain faktor. Sebagai contoh faktor Sumber Manusia memerlukan sokongan material dan peralatan untuk berperang dan begitu jugalah dengan faktor Mobiliti yang mana memerlukan sokongan alatganti untuk menyelenggarakan kenderaan dan begitulah seterusnya. Menurut PS 1 G3 MK 3 Div (Temuduga pada Jul, 2009), *SFS* Logistik bagi pasukan-pasukan naungan 1 Bgd adalah dibawah 60% serta berada ditahap Keupayaan Terhad. Ini secara lansung akan menjejaskan kesiapsiagaan 3 Divisyen secara keseluruhannya.

3.4 AMALAN PEROLEHAN

Amalan Perolehan TD dalam kajian ini akan menfokuskan kepada perolehan/pembelian yang dilakukan oleh TD bagi memperolehi/mendapatkan segala

keperluan material untuk tujuan operasi dan pentadbiran baik semasa aman ataupun waktu perang/kecemasan. Amalan Perolehan melibatkan memproses tender, tempahan dari pembekal, membuat pembayaran, berhubung dengan pembekal, membaca katalog pembekal, proses kelulusan dalaman, penerimaan invois, dan mencari pasaran elektronik . Perkataan pembelian dan perolehan adalah satu terma yang sering digunakan secara saling guna '*interchangeably*' (James R. Stock & Douglas M.Lambert, 2001). Pembelian dirujuk kepada pembelian material dan aktiviti yang berkaitan dengan pemerosesannya. Manakala perolehan pula bermaksud yang luas iaitu aktiviti yang melibatkan pembelian, trafik, pengurusan stor dan penerimaan material (Lambert, Stock, 2001). Menurut Ng (2005) perkataan perolehan adalah membawa maksud yang lebih meluas dan ianya digunakan secara umum bagi maksud perolehan berbanding pembelian. Manakala (Zainal, 1998) menerangkan bahawa perolehan adalah melibatkan pembelian, peng storan, trafik, penerimaan, pemeriksaan dan pelupusan. Bagi (Walt Scacchi, 2001), perolehan adalah merujuk kepada aktiviti organisasi yang berhubungkait dengan perolehan terhadap bahan mentah, produk barangan, bekalan untuk senggaraan termasuk perolehan peralatan serta material. Menurut (Zainal, 1998) diantara lain tujuan perolehan adalah seperti berikut:

- Untuk melancarkan bekalan material dan menghindarkan gangguan operasi harian sesebuah organisasi.
- Untuk mendapatkan bekalan daripada pembekal yang berkebolehan.
- Untuk memperolehi material yang termurah daripada pembekal terpilih.

- Mengekalkan hubungan yang harmoni dengan lain-lain organisasi yang terlibat.
- Untuk menentukan mutu serta kualiti material yang dibekalkan mengikut *standard* yang diperlukan oleh pembeli.

Menurut (Douglas M. Lambert, James R. Stock and Lisa M. Ellram, 1998), struktur perolehan akan melibatkan beberapa faktor dan diantaranya adalah pengurusan kewangan yang melibatkan peruntukan, pengurusan stor yang melibatkan tempahan perolehan dan inventori, pengguna/pelanggan yang melibatkan permohonan serta maklumat yang merangkumi keperluan dan hubungan antara pembekal serta pengguna.

Kelewatan Penghantaran. Menurut Badrul (2000) kelewatan pesanan serta penerimaan material kerana proses tender yang lama iaitu secara puratanya mengambil masa 421 hari. Fenomena ini sudah pasti akan memberi kesan yang hebat kepada kesiapsiagaan material dan secara langsung kesiapsiagaan TD. Keadaan ini akan bertambah rumit lagi sekiranya kontrak perolehan material dari seberang laut yang mana tempoh penghantaran antara tiga hingga dua puluh empat bulan (Sabirin, 2003). Namun demikian menurut Ng Kim Aik, (2005) ini dapat diatasi sekiranya pengurusan inventori yang cekap serta mempunyai paras stok yang mencukupi dan jika perlu sistem *just in time* perlu difikirkan terutamanya material yang dalam kategori *fast moving*.

Prestasi/Performa Perolehan. Kepentingan prestasi organisasi terhadap proses perolehan adalah penting. Menurut Ng Kim Aik (2005) faedah daripada prestasi ini adalah '*cost reduction, enhanced profitability, assured supplies, quality improvements, and competitive advantage*'. Manakala Zainal (1998) kepentingan prestasi perolehan penting dan dihubungkan seperti berikut: kaitan dengan proses (*the benefit of improved sourcing decisions*), kaitan dengan kos (*reduced purchasing costs*), kaitan dengan kualiti produk (*better product quality*) dan kaitan dengan organisasi (*increased trustworthiness*). Kenyataan ini dapat dikaitkan dengan kesiapsiagaan material kerana prestasi perolehan akan memberi kesan kepada bantuan lojistik dan secara langsung kesan kepada Kesiapsiagaan TD.

Daripada sorotan karya di atas dapat dirumuskan bahawa perolehan/pembelian satu proses aktiviti sesuatu organisasi untuk mendapatkan sesuatu bekalan samada material atau perkhidmatan untuk kegunaan domestik atau sebagai bahan kepada produk pengeluaran organisasi tersebut. Seterusnya akan menentukan keperluan dibekalkan mengikut kuantiti dan masa yang diperlukan dan ianya amat berkait rapat dengan kesiapsiagaan sesebuah organisasi.

3.5 SISTEM BELANJAWAN

Perkataan belanjawan boleh didefinisikan sebagai satu pernyataan hasil dan perbelanjaan bagi masa hadapan yang digunakan sebagai alat perancangan strategik dan pengurusan sumber ekonomi negara untuk memenuhi keperluan negara dan rakyat

(Risalah Kementerian Kewangan, 1996). Ini bermakna belanjawan bukan sahaja merupakan alat perancangan pentadbiran kerajaan tetapi juga memainkan peranan penting dalam menentukan arah tuju dan kedudukan ekonomi negara. Sistem-sistem belanjawan tersebut yang didahului oleh Sistem Belanjawan Traditional (SBT) yang telah diamalkan sejak kemerdekaan negara sehingga tahun 1969 dan diikuti dengan Sistem Belanjawan Program Dan Prestasi (SBPP) yang telah diamalkan mulai 1969 sehingga 1995. Sistem semasa yang digunakan adalah Sistem Belanjawan Diubahsuai (SBD) yang diamalkan mulai tahun 1995 hingga kini (Koshy Thomas, 2001). Sistem ini diperkenalkan untuk mengatasi kelemahan-kelemahan yang dihadapi dalam SBT dan SBPP yang telah diamalkan sebelum ini. SBD masih mengekalkan beberapa ciri-ciri SBPP yang telah sedia ada dan ia dikemaskinikan dengan beberapa ciri baru yang diubahsuai. Ia juga merupakan satu sistem pengurusan kewangan yang menitikberatkan perhubungan di antara 'INPUT' 'OUTPUT' 'IMPAK'.

Keperluan Peruntukan. Konsep SBD berasaskan kepada satu pendekatan pengurusan yang menekankan kepada konsep '*Let managers manage and be accountable*'. Menerusi SBD semua Pegawai Pengawal dan Pengurus Program/Aktiviti diberi kelonggaran untuk membuat keputusan berbelanja, terutama sekali yang berkaitan dengan keputusan mentadbir perbelanjaan, yang masih dalam lingkungan yang diluluskan oleh Perbendaharaan (Sivanesam Pillai, 1996). Menurut Sivanesam Pillai (1996) lagi, Batas Perbelanjaan atau Had Perbelanjaan adalah satu jumlah peruntukan kewangan yang ditetapkan di peringkat permulaan proses belanjawan tahunan sebagai peruntukan untuk membiayai perbelanjaan bagi tahun semasa.

Jumlah peruntukan ini tidak boleh dilampaui di dalam mengemukakan cadangan perbelanjaan bagi Dasar Sedia Ada. Penetapan Batas Perbelanjaan adalah berdasarkan kepada formula berikut:

$$\begin{array}{|c|} \hline \text{Batas} \\ \text{Perbelanjaan} \\ \text{Untuk Dasar} \\ \text{Sedia Ada} \\ \hline \end{array} = \begin{array}{|c|} \hline \text{Peruntukan} \\ \text{Tahun Lepas} \\ \text{tolak "one-off"} \\ \hline \end{array} + \begin{array}{|c|} \hline \text{Faktor bagi inflasi,} \\ \text{kenaikan gaji dan} \\ \text{perubahan dan} \\ \text{pertukaran} \\ \text{kewangan} \\ \hline \end{array} - \begin{array}{|c|} \hline \text{Dividen} \\ \text{Kecekapan} \\ \hline \end{array}$$

Dengan adanya Batas Perbelanjaan, akan dapat memperteguhkan disiplin kewangan dan lebih merupakan pendekatan belanjawan dari atas ke bawah. Disebabkan batas perbelanjaan ini yang telah dimaklumkan lebih awal, maka kepentingan dasar fiskal secara menyeluruh dapat dikenalpasti. Batas ini amat penting kepada polisi kerajaan agar ianya dibelanjakan mengikut peraturan tertentu. Disamping itu juga ianya akan menetapkan keutamaan perbelanjaan dan tahap perbelanjaan, cara perbelanjaan dilakukan dan pengurusan kewangan yang telus. Sebagaimana diterangkan melalui Bab 2 bahawa adalah menjadi tanggungjawab pasukan 91 DPO bagi merancang, memohon dan membelanjakan segala peruntukan bagi perolehan material TD.

Kekurangan Peruntukan. Menurut March Robinson and Jim Brumby, (2005) belanjawan adalah penting kerana *little can be done without money* dan belanjawan juga menjadi penentu kepada perolehan dan tempahan bekalan. Ianya bukan sahaja

sebagai peralatan kepada polisi microekonomi malah merupakan mekanisma pengurusan. Disamping itu *the budget document can be a major tool of accountability, whether to the legislative body or to the press and the public. It can help hold administrators accountable not only for the funds they receive but also for a given level of performance with those resources.* (Robinson March and Jim Brumby, 2005).

Belanjawan pertahanan dan proses perolehan persenjataan serta lain-lain peralatan pertahanan adalah sebahagian daripada Belanjawan Negara sebagaimana lain-lain agensi atau Kementerian di Malaysia yang mana terpaksa melalui proses yang sama untuk memohon dan mengawal peruntukan. Persoalan disini tiada penanda aras tertentu untuk menentukan berapa banyak peruntukan yang sepatutnya diterima khususnya untuk sektor keselamatan dan ianya masih belum ada jawapan tertentu (Dagmar Hellmann-Rajanayagam, 1997). Projek, perolehan dan lain-lain perbelanjaan adalah dipengaruhi oleh belanjawan dan praktis perakaunan di setiap organisasi. Situasi semasa belanjawan memerlukan kepada nilai wang untuk barangan (*value for money procurement solutions*). Nilai untuk wang bermaksud nilai keseluruhan harga dan kualiti (*fitness for purpose*) bagi memenuhi keperluan pengguna dan ianya perlu menjadi amalan polisi setiap agensi dan kementerian (David Miliband & John Healey, 2007). Melalui kajian oleh Abd Latif, Hashim dan Zainal (1997) merumuskan tahap pengurusan alatganti kenderaan berada ditahap sederhana rendah disebabkan masalah peruntukan yang menyebabkan tahap kesiapsiagaan mobilti rendah.

3.6 PENGURUSAN INVENTORI

Pegangan Inventori. Pengurusan Inventori adalah yang menentukan jumlah inventori yang patut disimpan samada dalam bentuk material atau komponen barangan kepada sesebuah organisasi pada sesuatu masa. Menurut Kotler, Philip (1997) proses pengurusan inventori adalah sebahagian daripada fungsi perniagaan dimana melibatkan paras stok simpanan terhadap bahan mentah, bahan mentah separuh siap dan barangan siap diproses dalam kuantiti yang mencukupi dan pada kos yang murah. Menurut Chase, Aquilano dan Jacobs (2006) inventori adalah stok barangan atau sumber yang digunakan oleh sesebuah organisasi. Manakala James R. Stock, & Douglas M. Lambert, (2001) mendefiniskan inventori sebagai stok simpanan semasa terhadap '*raw materials, inputs, and component parts*' bagi kegunaan sesebuah organisasi dan memerlukan kepada pengurusan yang baik serta melibatkan peruntukan khusus untuk menyelenggarakannya.

Sistem Teknologi Maklumat. Dalam penyelenggaraan proses inventori unit bekalan militri memerlukan kawasan untuk menyimpan sebelum ianya dikeluarkan kepada pengguna. Oleh itu Pengurusan Rumah Stor dalam militeri adalah sebahagian daripada proses inventori. Menurut Fleischmann, M, M. Jacqueline, M. Bloemhof-Ruwaard, R. Dekker, E, V. Laan, (1997) dalam pengurusan inventori, kos merupakan perkara penting yang melibatkan kos penyelenggaraan, kos permohonan material dan kos sekiranya tidak mempunyai stok jika diperlukan. Oleh itu ketepatan merekod di dalam inventori dengan menggunakan sistem perkomputeran adalah elemen terpenting

bagi menentukan keberkesanannya serta merupakan sistem perancangan sumber yang efektif (James R. Stock & Douglas M. Lambert, (2001). Dalam sistem inventori, sistem pengstoran yang efektif meliputi nombor bahagian, lokasi, kuantiti dan kod kondisi barangan dan ini memerlukan kepada sistem maklumat bersepadu melalui sistem perkomputeran inventori. Jika berlaku sebarang kehilangan/kekurangan dari segi kuantiti, berlainan lokasi dan kondisi barangan akan memberi kesan yang serius kepada misi dan tugas (Tersine, 1994). Bagi mengatasi sebahagian daripada permasalahan tersebut sistem teknologi maklumat seperti CODIMS perlu dipertingkatkan dan dipanjangkan kepada lain-lain pasukan termasuk kepada pasukan medan (Nasir, 2001).

Oleh itu pengurusan inventori yang baik adalah mengambil kira jumlah pegangan yang sesuai dengan kehendak organisasi serta pengurusan inventori memerlukan kepada budget yang besar tertaklok kepada misi serta peranan sesebuah organisasi, ditambah lagi organisasi seperti TD yang memegang pelbagai peralatan serta jenama barangan sudah tentu pegangan inventori serta kos yang tinggi.

3.7 BANTUAN ORDNANS

Pengurusan Permohonan Pasukan. Dalam aspek militer, pengurusan permohonan adalah melibatkan kepada mengenalpasti keperluan, merancang keperluan dan permohonan serta menentukan material diterima pada masa dan kuantiti yang dikehendaki. Dengan perancangan yang rapi ini, sebarang kekurangan dan

kesulitan yang bakal ditemui dapat dikurangkan (Croxtton et al. 2006). Dalam perancangan ini, Pemerintah Pasukan serta anggota yang berkaitan dengannya pengurusan logistik perlu mempunyai pengetahuan dan kepakaran tertentu bagi menentukan setiap permohonan mengikut keperluan diatas. Namun demikian kedapatan pasukan tidak mahir dan kurang mahir dalam pengendalian tertentu seperti pengurusan alatganti pasukan Abd Latif, Hashim dan Zainal, (1997) yang menyebabkan keberkesanan bantuan Ordnans kepada pasukan terjejas.

Kepuasan Pengguna. Dalam melengkapkan kitaran pengurusan lojistik, nilai kepuasan anggota tentera adalah berlainan mengikut pangkat mereka. Kajian menunjukkan bahawa tahap tanggungjawab seseorang anggota tentera akan memberikan kesan kepada evaluasi kepuasan (Kent, John L. and Daniel J. Flint 1997). Dalam skop bantuan Ordnans kepada Pengurusan Lojistik akan dilihat kepada dua faktor utama iaitu Pengurusan Stor dan Dokumen. Faktor ini adalah sebahagian daripada aktiviti '*up and down in Supply Chain Process (SCP) in the Army*' untuk mengkoordinasikan bekalan dan permohonan, mengurangkan kitaran tempoh permohonan, keberkesanan terhadap sesuatu permohonan anggota, penggantian material mengikut masa dan kuantiti yang diperlukan dan menambahkan keyakinan terhadap tahap kepuasan anggota tentera (Mohd Nasir, Nordin dan Nasharuddin, 1997).

Menurut *Council Supply Management Planning (2007)* mendefinisikan Pengurusan Lojistik adalah sebahagian daripada *SCP* yang merangkumi

perancangan, melaksanakan serta pengawalan yang berkesan, keberkesanan pengaliran masuk dan keluar stok barangan dan material, perkhidmatan yang melibatkan maklumat *between the point of origin and the point of consumption in order to meet soldier requirements. The modern era of logistics management research can be conceptualized as the focuses to explore the systematic management of logistics functions (logistics store management and documentation management) for effective soldier services, total cost efficiency and ultimately enhanced organizational performance* (Mentzer, Stank and Esper, (2008). Namun demikian menurut Abd Latif, Hashim dan Zainal (1997) dan Fauzi dan Tuan Azman, (2006) merumuskan bahawa tahap kepuasan pengguna adalah sederhana rendah kerana pihak Ordnans tidak dapat memenuhi bantuan mengikut sebagaimana yang diperlukan.

Pengurusan Stor dan Dokumen. Dalam unit bekalan TD, *SCP* berkaitan dengan kawalan terhadap material dan saluran maklumat, struktur proses yang berhubungkait dengan penghantaran material melalui saluran tertentu kepada anggota tentera supaya untuk meningkatkan nilai tahap kepuasan. Ini memerlukan kepada prestasi organisasi yang baik (Pengurusan Stor dan Dokumen) serta keberkesanan hubungan diantara pasukan tempur dengan pasukan pembekal (Lieutenant General William G, 1992) dan dalam konteks militeri adalah pasukan-pasukan Ordnans. Menurut James R. Stock & Douglas M. Lambert, (2001) keberkesanan melalui penggunaan sistem pengkomputeran adalah penting bagi menentukan Pengurusan Stor yang efektif. Ianya begitu penting terutamanya untuk perhubungan antara pengguna dan pembekal seperti pasukan 91 DPO ini. Buat masa ini

segala transaksi permohonan dan pengeluaran material menggunakan BAT L 8 dan prosesnya terpaksa melalui beberapa peringkat kelulusan yang boleh melambatkan proses dan melibatkan tahap kepuasan pengguna serta kelewatan menerima bekalan (Abd Latif, Hashim dan Zainal (1997) dan Fauzi dan Tuan Azman, (2006).

Oleh yang demikian, Bantuan Ordnans dalam konteks militer merupkan bekalan material kepada pasukan tempur untuk menentukan segala tugas yang diberikan dapat dilaksanakan dengan jaya baik semada perang maupun waktu aman. Seterusnya sekiranya bantuan ini dapat dipenuhi mengikut keperluan samada dari segi kuantiti dan masa, maka ianya akan menjadi faktor kepada Kesiapsaiaggan Material dan secara langsung membei kesan kepada Kesiapsiagan Tempur TD.

3.8 KESIMPULAN

Secara amnya Bab ini telah menyingkat beberapa sorotan karya yang berhubungkait dengan kajian ini samada melalui kajian oleh militer atau sumber buku-buku dan journal dan internet. Manakala Bab seterusnya akan menerangkan bagaimana methodologi kajian ini dilaksanakan.